



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Tahun Baharu Cina adalah perayaan terpenting dan terbesar bagi bangsa Cina yang menyambut kedatangan tahun baharu mengikut kalender tradisional Cina. Perayaan itu juga dirujuk sebagai Pesta Muslim Bunga di Tanah Besar China dan turut disambut masyarakat Vietnam dan Korea.

Perayaan itu berlangsung selama 15 hari dan tamat pada hari Chap Goh Mei. Adakah Cina Muslim di Malaysia turut merayakan Tahun Baharu Cina?

Sebarang permasalahan berkaitan undang-undang syariah, boleh e-mel ke fadly@mediaprima.com.my

Perayaan tiada kaitan agama

Tahun Baharu Cina bukan perayaan agama. Perayaan itu tiada kena mengena dengan ritual agama. Ia sama seperti sambutan tahun baharu Masihi pada 1 Januari setiap tahun, Tahun Baharu Cina juga menandakan kehadiran hari baharu.

Bagi masyarakat Cina beragama Tao dan Buddha, mereka biasanya akan menyatakan rasa kesyukuran mereka di tempat ibadat mereka. Tetapi, bagi masyarakat Cina Muslim, mereka meraikan kedatangan tahun baharu bersama keluarga dan sanak-saudara terdekat walaupun mungkin ada antara me-

reka berlainan agama.

Aktiviti bersama seperti itu boleh meningkatkan lagi ikatan kekeluargaan. Tahun Baharu Cina juga selalunya dimeriahkan dengan persembahan tarian singa.

Tarian singa kini menjadi simbol kebudayaan masyarakat Cina di seluruh dunia.

Di Malaysia, selain Tahun Baharu Cina, tarian itu turut dimainkan di kediaman atau premis perniagaan seperti hotel dan kompleks beli-belah khususnya ketika majlis perasmian pembukaan atau pelancaran produk.

Menurut legenda, tarian itu dipercayai dimainkan

untuk menyambut nasib baik serta menangkis roh atau syaitan jahat.

Bagaimanapun, legenda itu tidak lagi dipercayai masyarakat Cina tempatan.

Ia juga dipersembahkan ketika menyambut ketibaan orang kenamaan. Tarian singa berkembang menjadi sebahagian kemahiran seni mempertahankan diri serta seni artistik iaitu mengambil kira ekspresi dan pergerakan penari memperkenalkan gaya akrobatik ketika persembahan.

Evolusi dan perkembangan itu menghasilkan bentuk singa moden. Pertandingan diadakan untuk

mencari persembahan tarian singa terbaik.

Selain itu, pelbagai makanan istimewa dihidangkan seperti yee sang, limau mandarin dan kuih bakul. Yee sang adalah sejenis hidangan istimewa berasal dari Seremban.

Ia tidak terdapat di Tanah Besar China kerana diasaskan melalui inovasi dan kreativiti masyarakat Cina khususnya di Seremban pada 1940-an.

Ia juga diisyiharkan sebagai makanan warisan negara oleh Jabatan Warisan Negara. Makanan itu terdiri daripada campuran beberapa jenis sayuran dan kacang yang dimakan setelah dilakukan

acara melambung sambil menggaul semua campuran itu bersama ahli keluarga sambil melaungkan 'lou hei' bermakna 'gaul naik' dan mengucapkan kata-kata seperti semoga bertambah rezeki, panjang umur dan keluarga bahagia.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri menerusi siri *Bayan Linnas* menyatakan tidak ada halangan bagi orang Islam merayakan Tahun Baharu Cina sekiranya tiada unsur yang bertentangan dengan akidah Islam.

Penulis Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di Universiti Putra Malaysia

tusan.

Penulis peguam syarie